

# Binaan bangunan tahan gempa mula diberi perhatian

UB 4.6.2016 A1

Oleh SURAIDAH ROSLAN

**KOTA KINABALU:** Kemungkinan untuk gempa bumi berskala besar berlaku di Ranau dalam tempoh terdekat tidak akan terjadi, sebaliknya gempa bumi berukuran lebih 6.0 pada skala Richter diramal kemungkinan berlaku di Lahad Datu.

Pengarah Pusat Kajian Bencana Alam Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Dr Felix Tongkul berkata ia hanya ramalan sahaja dan terdapat kemungkinan tenaga kecil sahaja dilepaskan yang akan membawa kepada gempa kecil.

Katanya, disebabkan Lahad Datu pernah mengalami gempa berukuran 6.4 pada skala Richter pada tahun 1920-an dan 6.2 pada skala Richter pada 1976, maka pengkaji meramalkan kemungkinan berlaku gempa bumi di Lahad Datu.

Namun, katanya, masa dan skala yang tepat tidak dapat diramal.

Dr Felix ditemui selepas Majlis Penyampaian Anugerah Penyelidik UMS, di sini kelmarin. Beliau ditanya mengenai kebarangkalian untuk gempa bumi berlaku di negeri ini susulan gempa bermagnitud 6.0 pada skala Richter yang berlaku di Ranau setahun lalu (5 Jun 2015).

Mengenai perubahan yang dapat dilihat selepas setahun gempa bumi berlaku, Felix berkata sejak gempa bumi melanda Ranau, kerajaan telah mula menitikberatkan



**FELIX TONGKUL**

pembinaan bangunan yang tahan gegaran.

“Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) juga sedang dalam proses menetapkan kod rekabentuk bangunan tahan gempa. Apabila kod itu siap sepenuhnya, maka rekabentuk bangunan yang dibina selepas ini akan tahan gegaran

“Selain itu, kerajaan melalui Jabatan Meteorologi juga menambah lebih banyak stesen pemantauan sekitar Gunung Kinabalu dan Sabah.

“Masyarakat juga mula menunjukkan minat untuk mengetahui lebih lanjut tentang gempa bumi. Menerusi siri seminar yang dianjurkan UMS dan agensi kerajaan, ia menyaksikan penglibatan yang memberangsangkan di mana masyarakat mula prihatin terhadap insiden yang berlaku di sekeliling mereka,” katanya.